

# Diskaun bayaran PTPTN ringankan beban peminjam

Potongan sehingga 20 peratus untuk tiga bulan bukti keprihatinan kerajaan

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Izz Laily Hussein  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyifatkan diskaun bayaran balik pinjaman selama tiga bulan bermula 1 Mac ini sehingga 20 peratus, menunjukkan keprihatinan kerajaan dan mampu meringankan beban kewangan peminjam.

PTPTN dalam satu kenyataan, berkata pihaknya juga menyambut baik inisiatif penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh enam bulan.

"Permohonan penangguhan boleh dibuat mulai 1 Mac 2023

"Inisiatif ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada masa kini, sekali gus me-



ringankan beban kewangan peminjam yang terkesan. Justeru, pelaksanaan inisiatif ini akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat," kata kenyataan itu, semalam.

Menurut kenyataan itu, PTPTN sentiasa komited dan bersedia untuk membantu peminjam selaras dengan inisiatif kerajaan yang diumumkan melalui Belanjawan 2023.

## Kaji sistem anjal IPTA

Di **Pasir Gudang**, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang mengkaji cadangan untuk memperkenalkan sistem anjal di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang membolehkan penuntut menjalani sebahagian pengajian di rumah.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata cadangan itu antara lain bertujuan membantu penuntut mengurangkan pinjaman, khususnya PTPTN serta kos sara hidup.

"Dengan sistem anjal ini, penuntut boleh belajar di rumah untuk beberapa semester dan kemudian sambung pengajian di



Pemberian diskaun 20 peratus bayaran balik PTPTN meringankan beban kos sara hidup peminjam. (Foto hiasan)

universiti, jadi mereka tidak perlulah membuat pinjaman pengajian yang banyak.

"Ketika belajar di rumah, mereka cuma gunakan kemudahan komputer, jadi kos sara hidupnya tiada sebab dia duduk di rumah, tidur di rumah, makan di rumah, buat apa dia buat pinjaman untuk bayar yuran universiti.

"Yuran itu akan kurang kerana di rumah, mereka tidak akan gunakan fasiliti di kampus, dari segi yuran kita boleh perbaiki," katanya selepas merasmikan Basiswa Perpaduan My Binary,

Universiti Binary di Dewan Muafakat Sierra Perdana, Taman Sierra Perdana di sini, semalam.

Mengenai pembentangan Belanjawan 2023, Mohamed Khaled berterima kasih kepada kerajaan Pusat yang menambah baik peruntukan KPT berjumlah RM15.3 bilion.

"Peruntukan meningkat berbanding RM14.5 bilion tahun lalu, sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkasa pendidikan tinggi demi manfaat dan pembangunan masa depan negara," katanya.